

## **INSURANS / TAKAFUL RUMAH – Lindungi Kediaman Awda**



Kediaman awda adalah pelaburan kewangan terbesar awda

**Tetapi bagaimana jika ...**

- Rumah awda rosak disebabkan kebakaran atau ribut?
- Rumah awda dirompak?
- Barang kepunyaan awda rosak akibat banjir?

Adakah awda mempunyai dana untuk membina semula atau menggantikan semua yang rosak atau dicuri? Insurans /

Takaful rumah boleh melindungi harta dan isi kandungan rumah awda daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh peristiwa-peristiwa yang tidak dijangka.

Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat, punca utama kebakaran di Negara Brunei Darussalam adalah disebabkan oleh kesilapan dan kecuaian bermula dari api elektrik, api dapur, hos *liquefied petroleum gas* (LPG) longgar dan kebocoran gas, kanak-kanak bermain dengan api serta rokok yang masih menyala. Dari tahun 2013 hingga Jun 2015, sebanyak 144 kes kebakaran kediaman dilaporkan menyebabkan anggaran kerugian sebanyak BND 17.2 juta. Daripada jumlah tersebut, 29 kes kebakaran kediaman dilaporkan berlaku dari Januari hingga Jun 2015 yang mengakibatkan kerugian melebihi BND 1 juta.

Tanpa mempunyai perlindungan insurans/ Takaful rumah yang sepatutnya, individu yang terlibat dalam kebakaran terpaksa membina semula rumah atau menyewa rumah buat sementara waktu. Ini akan melibatkan kos yang tinggi, mengambilkira mereka mempunyai dana untuk berbuat demikian. Dengan insurans/ Takaful rumah, kos mengganti atau membaiki rumah, termasuk kelengkapan seperti barang perabot, peralatan dan harta benda peribadi boleh ditanggung oleh syarikat insurans/ Takaful. Terdapat beberapa polisi insurans/ Takaful yang menawarkan perlindungan komprehensif yang meliputi pelbagai kos untuk membina semula kediaman awda kepada keadaan asal sebelum berlaku kebakaran manakala terdapat juga produk yang hanya meliputi jumlah perlindungan (*sum covered*) sehingga jumlah maksima yang ditetapkan sahaja.

### **Jenis-jenis insurans / Takaful rumah di Negara Brunei Darussalam**

	<b>(1) KEBAKARAN ASAS</b>	<b>(2) PEMILIK RUMAH</b>	<b>(3) ISI RUMAH</b>
	Melindungi bangunan sahaja	Melindungi bangunan sahaja	Melindungi isi rumah dan barang peribadi

<p><b>Bencana yang dilindungi termasuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebakaran, kilat dan letupan (letupan gas yang digunakan bagi tujuan domestik); dan</li> </ul> <p>Bencana lain boleh ditambah dengan premium / sumbangan tambahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan letupan;</li> <li>• Kerosakkan kapal terbang;</li> <li>• Kerosakkan daripada bentaman;</li> <li>• Kepecahan atau kelimpahan alat tangki atau paip;</li> <li>• Kecurian yang menggunakan kekerasan sebenar dan pecah masuk atau keluar dari bangunan, atau sebarang percubaan ancaman;</li> <li>• Ribut taufan, puting beliung, taufan, ribut angina;</li> <li>• Gempa bumi, letupan gunung berapi; dan</li> <li>• Banjir.</li> </ul> <p>Perlindungan untuk bencana lain boleh ditambah dengan premium / sumbangan tambahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan letupan;</li> <li>• Kerosakkan kapal terbang;</li> <li>• Kerosakkan daripada bentaman;</li> <li>• Kepecahan atau kelimpahan alat tangki atau paip;</li> <li>• Kecurian yang menggunakan kekerasan sebenar dan pecah masuk atau keluar dari bangunan, atau sebarang percubaan ancaman;</li> <li>• Ribut taufan, puting beliung, taufan, ribut angina;</li> <li>• Gempa bumi, letupan gunung berapi; dan</li> <li>• Banjir.</li> </ul> <p>Perlindungan untuk bencana lain boleh ditambah dengan premium / sumbangan tambahan</p>
--	--	--

Nota: Sila semak dengan pembekal insurans / Takaful awda tentang perlindungan awda dan perlindungan yang boleh didapati secara tambahan bagi polisi awda

Adalah sangat penting bagi awda untuk mengkaji semula butir-butir polisi awda dengan syarikat insurans / Takaful atau agen-agen yang berdaftar setiap tahun untuk memastikan awda mempunyai perlindungan yang mencukupi bagi mengelakkan kemungkinan di mana awda tidak mempunyai perlindungan yang sepatutnya jika bencana berlaku.



**Bandingkan** harga insurans / takaful kebakaran, pemilik rumah dan isi rumah daripada syarikat insurans dan takaful yang berbeza bagi mendapatkan harga yang terbaik bagi **perlindungan** yang sepatutnya.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful dan Insurans, awda bolehlah memuat turun “*My Takaful and Insurance Book*”, daripada [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn) atau mendapatkan salinan percuma di Tingkat 7, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, BB3910. Awda juga boleh memuat turun aplikasi telefon pintar AMBD bagi mendapatkan senarai pengendali-pengendali Takaful dan syarikat insurans yang berdaftar.

Disediakan oleh: **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**